

15 MAY 1997

Mahathir-Pilihan Raya

PROPAGANDA DAP TIDAK DAPAT DITERIMA LAGI, KATA PM

SERI ISKANDAR, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata rakyat kini sudah sedar dan tidak mudah menerima propaganda parti pembangkang terutama DAP kerana mereka kini tahu akan niat kerajaan hanya membangunkan negara.

" Rakyat sudah sedar, dulu mereka sokong DAP kerana propagandanya tetapi kini rakyat dalam bandar sokong kerajaan kerana mereka tahu kita tidak ada niat lain selain daripada bangunkan negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang baru syarikat Safire Phamarceuticals (M) Sdn Bhd di sini, hari ini, apabila diminta memberi pandangannya mengenai kempen pilihan raya kecil Teluk Intan.

Pilihan raya itu yang akan diadakan Sabtu ini menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Dr Chee See Choke dan calon DAP M. Kula Segaran.

Dr Mahathir berkata: " Kita boleh tunjukkan bukti yang kita bangunkan negara yang mana kini mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat serta tidak ada pengangguran melainkan orang itu sengaja tidak mahu bekerja."

Beliau menanya DAP sama ada parti itu dapat menunjukkan sebuah lagi negara membangun yang mencapai pertumbuhan ekonomi sepesat Malaysia.

Taraf pembangunan yang dicapai oleh Malaysia bukanlah hasil usaha DAP kerana ia hanya boleh mengkritik tetapi tidak boleh berbuat apa-apa, katanya.

Dr Mahathir berkata oleh itu kini DAP cuba untuk mendapatkan "undi simpati" daripada rakyat.

" Kita bukan rasa kasihan tapi soalnya kita nak bangunkan kawasan ini (Teluk Intan) yang mudah dibangunkan jika wakilnya dari parti kerajaan," katanya.

Beliau bagaimanapun mengatakan penduduk Teluk Intan bijak dan tidak akan mudah mempercayai propaganda DAP.

" Saya tahu cara DAP... mendakwa kerajaan perlu pembangkang untuk memperbetulkan masalah yang timbul. Jika tidak betul, kerajaan sendiri betulkan," katanya.

Beliau juga menyatakan rasa dukacitanya dengan tindakan DAP yang masih memainkan isu perkauman walaupun negara luar menganggap Malaysia boleh dijadikan contoh yang mana pelbagai kaum boleh hidup bersama.

Beliau hairan dengan DAP yang masih menggunakan isu perkauman bagaikan tidak ada isu lain, dan mereka sepatutnya meninggalkan isu itu dan memainkan isu lain.

" Di Malaysia semua dapat tempat tetapi DAP hanya nak satu kaum lebih daripada kaum lain," katanya. -- BERNAMA.

HK PR